

13/09/2003

Had cukai korporat IKS RM500,000

KERAJAAN akan meningkatkan had pendapatan yang dikenakan cukai korporat 20 peratus bagi syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kepada RM500,000, berbanding RM100,000 ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu dijangka membolehkan sektor berkenaan mempunyai lebih sumber sebanyak RM322 juta untuk dilaburkan semula.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan juga memberikan tambahan RM1 bilion bagi pembiayaan di bawah Skim Kredit Mikro yang disalurkan menerusi Bank Pertanian Malaysia Bhd dan Bank Simpanan Nasional.

Peruntukan itu adalah tambahan kepada pembiayaan yang disediakan kerajaan di bawah Pakej Strategi Baru, yang diumumkan kerajaan Mei lalu.

Perdana Menteri berkata, tambahan itu diberikan berikutan sambutan menggalakkan terhadap Skim Kredit Makro dari peniaga kecil.

Beliau berkata, PKS mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, di samping mempunyai pelbagai keluaran yang berpotensi untuk dimajukan sebagai produk berkualiti dan bernilai tambah yang tinggi untuk eksport.

"Hala tuju dan pembangunan PKS perlu dirangka supaya lebih teratur dan tersusun supaya fungsinya sebagai tulang belakang kepada syarikat industri besar ditambah dengan eksport ke luar negara," katanya.

Dr Mahathir, berkata Majlis Peringkat Tertinggi PKS sudah ditubuhkan bagi menggubal dasar dan strategi yang lebih komprehensif bagi pembangunan bersepadu PKS di semua sektor.

Perdana Menteri turut menegaskan mengenai pentingnya bagi institusi kewangan menyediakan kemudahan kewangan dan kredit yang mudah diperolehi oleh PKS bagi mengukuhkan peranan sektor berkenaan.

Katanya, langkah yang diambil untuk membantu PKS menangani masalah hutang tidak berbayar (NPL) mereka dengan institusi kewangan ialah menerusi penubuhan satu mekanisma seperti Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

"Bagi tujuan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) akan menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelesaian Hutang PKS.

"Harapan kerajaan ialah mekanisme ala CDRC itu dapat membantu menyelesaikan hutang sektor berkenaan," katanya.

Perdana Menteri, berkata, kerajaan prihatin terhadap peniaga kecil dan sederhana yang mengalami kesukaran membayar hutang dengan institusi kewangan.

Di bawah Pakej Strategi Baru, katanya BNM menyediakan Skim Penyusunan dan Penjadualan Semula Pinjaman bagi semua jenis pinjaman dan kemudahan kredit oleh peminjam di sektor pelancongan.

Setakat ini, nilai pinjaman sebanyak RM3 bilion sudah mendapat manfaat dari Skim itu, katanya.